

Ahmad harap 136 YB Islam sokong hudud

Tumpat: Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob, berharap semua 136 Ahli Parlimen beragama Islam akan memberi sokongan terhadap Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah II 1993 (Pindaan 2015) yang dibentangkan di Dewan Rakyat.

Beliau berkata, sokongan itu akan membolehkan rang undang-undang berkenaan mendapat majoriti mudah iaitu sokongan daripada 112 Ahli Parlimen bagi membolehkan ia diluluskan.

"Kita sudah siap semua, tinggal lagi untuk warta. Insya-Allah, kalau mempunyai peluang, Presiden PAS (Datuk Seri Hadi Awang) akan mengemukakan rang undang-undang ini.

"Kita mengharapkan semua

Ahli Parlimen muslim memberi sokongan untuk dapatkan majoriti mudah," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Sempat dibawa ke Parlimen

Beliau juga yakin rang undang-undang itu sempat dibawa ke Parlimen sebelum sidang tamat pada Khamis ini.

Yang turut hadir, Ketua Polis Kelantan, Datuk Mazlan Lazim.

Ahmad ditemui selepas merasmikan majlis pecah tanah Projek Shelter Tesco Malaysia bagi pembinaan rumah kepada mangsa banjir di Kampung Belian, di sini.

Sebanyak lapan rumah membabitkan kos RM55,000 seunit itu akan dibina di Kampung Belian dan Kampung



Azlam Shah (kiri) menyerahkan sumbangan kepada Mazlan sambil disaksikan Ahmad selepas merasmikan **majlis pecah tanah Projek Shelter Tesco Malaysia** di Kampung Belian, Tumpat, semalam.

[FOTO OWEE AH CHUN/BH]

Laut bagi menggantikan kediaman mangsa yang musnah akibat banjir hujung tahun lalu.

Kos pembinaan dan kelengkapan rumah yang dianggarkan mencecah RM500,000 itu menggunakan sumbangan tunai yang dikumpul oleh 52 pasar raya Tesco, pembekal Tesco Malaysia, rakan perniagaan dan dana daripada Tesco Ma-

laysia termasuk Tesco PLC di United Kingdom.

Pengarah Perhubungan Kerajaan dan Hal Ehwal Korporat Tesco, Datuk Azlam Shah Alias, berkata pihaknya bekerjasama dengan kerajaan negeri dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam menayakan misi memberi tempat berteduh kepada keluarga terjejas.